

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan pembangunan Kompleks Sukan Komuniti di jajahan Tumpat bagi menggalakkan budaya cara hidup sihat memandangkan tidak terdapat kemudahan bersesuaian di Parlimen Tumpat buat masa ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Di-pertua,

Buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tiada perancangan khusus di kawasan Tumpat. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian sedang mengkaji dan meneliti semua projek naik taraf dan pembinaan baru kemudahan sukan di setiap negeri. Hal ini penting dalam memastikan semua kemudahan atau fasiliti yang akan dibina dan dinaik taraf dapat memberi manfaat berganda kepada masyarakat dalam usaha berterusan KBS untuk menjadikan sukan sebagai amalan gaya hidup aktif dan cergas.

Pihak Kementerian mengalu-alukan agar Yang Berhormat mengangkat cadangan pembangunan Kompleks Sukan Komuniti tersebut kepada pihak kementerian untuk diteliti dan dipertimbangkan di bawah pelan pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Namun begitu, ia tertakluk kepada kelulusan pihak Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Untuk makluman Yang Berhormat juga setakat ini terdapat sebanyak 23 kemudahan sukan di kawasan Tumpat, antaranya ialah gelanggang futsal, dewan badminton dan kompleks sukan pelbagai guna yang mana 12 kemudahan sukan diuruskan oleh KBS, satu (1) buah kemudahan diuruskan oleh kerajaan negeri, sepuluh (10) buah kemudahan lagi diuruskan oleh pihak swasta/ persendirian.

Sekian terima kasih.